

12hb. Februari, 1977.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1977**

### **Pengujudan dan pengisian jawatan dalam keadaan di mana skim perkhidmatan belum diwujudkan**

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang dimaklum, pengujudan jawatan-jawatan baru dan pengisian jawatan-jawatan kosong adalah dilakukan berasaskan kepada skim-skim perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Pengujudan skim-skim perkhidmatan disediakan mengikut proses dan peraturan tertentu, dan ada kalanya memakan masa. Dalam masa yang lampau, ada terdapat kes di mana pengujudan jawatan baru telah dicadangkan atau pengisian jawatan kosong perlu dijalankan dengan segera tetapi terpaksa ditangguhkan kerana skim-skim perkhidmatan berkenaan belum diwujudkan.

3. Memandangkan bahawa Kementerian-kementerian, Jabatan-Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan memerlukan tenaga kerja yang sesuai yang tidak dapat disandang oleh jenis yang diliputi oleh Skim Perkhidmatan dengan segera untuk mengendalikan program-program dan aktiviti-aktiviti pembangunan ataupun yang tertentu, maka dengan ini adalah diumumkan bahawa cadangan pengujudan jawatan baru dan pengisian jawatan kosong yang begini boleh dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Perjawatan) walaupun skim-skim perkhidmatan berkenaan belum diwujudkan tertakluk kepada peraturan berikut:-

#### **(i) Pengujudan jawatan baru**

Jawatan-jawatan baru yang memerlukan skim-skim perkhidmatan baru boleh diwujudkan berasaskan kepada gelaran jawatan dan struktur tanggungaji yang akan di-luluskan secara 'ad hoc' oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Bagi maksud ini cadangan yang dikemukakan itu hendaklah diiringi dengan senarai bidang tugas yang hendak diliputi dan kelayakan yang diperlukan untuk menyandang tugas-tugas jawatan itu. Rajah organisasi Pejabat di mana jawatan itu diperlukan akan membantu Jabatan Perkhidmatan Awam menimbang permohonan itu.

#### **(ii) Pengisian jawatan kosong**

- (a) Urusan pengambilan ke jawatan baru yang diwujudkan boleh dijalankan berasaskan kepada syarat-syarat dalam draf iklan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Draf-draf iklan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Perjawatan) untuk ditimbang sebelum dikeluarkan. Iklan yang telah diluluskan boleh digunakan tetapi

hendaklah tanpa pindaan melainkan setelah disetujui oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

- (b) Urusan kenaikan pangkat ke jawatan kosong yang belum ada skim perkhidmatan boleh dijalankan berasaskan kepada syarat-syarat kenaikan pangkat 'ad hoc' yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

4. Tuan adalah dikehendaki berhubung dengan Jabatan ini dengan seberapa segera jika ada kes-kes yang melibatkan peraturan yang dijelaskan dalam perenggan 3 di atas.

5. Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD  
JALALUDIN)

Pengarah Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan-Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan,

s.k. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Malaysia,

Kuala Lumpur.

(U.P: Bahagian Belanjawan)

(U.P: Bahagian Pentadbiran)

" Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

- " Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.
- " Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.
- " Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan.
- " Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.
- " Setiausaha, Majlis Angkatan Tentera.